

Penguatkuasaan kenderaan mikromobiliti masih advokasi

Oleh Hamzah Osman - Jun 27, 2022 @ 10:30am
bhnews@bh.com.my



Ketua Pengarah JPJ, Datuk Zailani Hashim mengedarkan risalah berkaitan kenderaan mikromobiliti kepada penyewa kenderaan itu pada Program Penguatkuasaan Advokasi Kepada Masyarakat di Pantai Chenang, Langkawi. - Foto NSTP/HAMZAH OSMAN

LANGKAWI: Penguatkuasaan undang-undang bagi kesalahan berkaitan kenderaan mikromobiliti di seluruh negara masih dilaksanakan secara advokasi.

Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Zailani Hashim, berkata jangka masa tempoh mendidik itu akan dinilai dari semasa ke semasa.

"Buat masa ini, kita tidak ambil sebarang tindakan punitif, kita lebih kepada tindakan kesedaran iaitu advokasi.

"Lagipun setakat ini, kemalangan membabitkan kenderaan mikromobiliti belum ada dan kita (cuma) mencegah sebelum ia berlaku," katanya ketika ditemui selepas Program Penguatkuasaan Advokasi Kepada Masyarakat di Pantai Chenang, di sini, malam tadi.

Zailani berkata, sebarang tindakan yang diambil berkaitan kenderaan itu bertujuan mengelakkan insiden seperti kemalangan maut membabitkan basikal lajak di Johor.

"Selepas kesedaran (masyarakat) sudah tinggi, tiada lagi pengguna mikromobiliti atas jalan raya, ketika itu kita akan kuat kuasa undang-undang, khususnya kepada mereka yang masih degil.

"Penggunaan kenderaan itu dibenarkan di laluan pejalan kaki, bukan di atas jalan raya yang mendedahkan pemiliknya dan pengguna lain kepada kemalangan," katanya.

Sebelum ini, akhbar melaporkan Kementerian Pengangkutan menetapkan tiga jenis kenderaan dilarang penggunaannya di atas jalan raya berkuat kuasa serta-merta pada 26 April lalu.

Ia termasuk kenderaan mikromobiliti jenis Moped, Personal Mobility Devices (PMD) dan Personal Mobility Aids (PMA).

Menterinya, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, dipetik sebagai berkata, larangan itu dilaksanakan mengikut Kaedah-Kaedah Lalu Lintas (Larangan Penggunaan Kenderaan Mobiliti Tertentu) 2021 yang berkuat kuasa 17 Disember tahun lalu.

Berdasarkan larangan itu, denda RM300 boleh dikenakan terhadap mana-mana individu yang menggunakan kenderaan itu di atas jalan raya.